

KETERSIRATAN MAKNA *AL-'ISTI'ARAT AL-MAKNIYYAT* DALAM HADIS RASULULLAH SAW

Dr. Mohamad Syukri Bin Abd Rahman
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Bahasa Arab mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang berbeza dari bahasa-bahasa lain lantaran ia merupakan bahasa al-Quran dan hadis Rasulullah saw. Ia kaya dengan nilai-nilai peradaban dan kesantunan yang tinggi. Ia mempunyai gaya bahasa yang istimewa dan unik tidak dapat ditandingi oleh bahasa lain. Antara gaya bahasa Arab yang unik ialah al-'Isti'arat. Para sasterawan Arab memaparkan gaya bahasa al-'Isti'arat dalam prosa dan puisi mereka. Selain itu, ia juga dipaparkan dalam al-Quran dan hadis Rasulullah saw. Bagi melihat keunikan gaya bahasa ini secara mendalam, maka artikel ini cuba menyingkap ketersiratan makna al-'Isti'arat al-Makniyyat dalam hadis Rasulullah saw secara terperinci berdasarkan metod deskriptif. Dengan adanya kajian ini dapat memperlihatkan dan menyerlahkan fungsi atau tujuan sesuatu penggunaan al-'Isti'arat al-Makniyyat dalam menyampaikan mesej interaksi tersebut.

Kata kunci: Bahasa Arab, gaya bahasa, *al-'Isti'arat al-Makniyyat*, Hadis, fungsi.

1. Pendahuluan

Al-'Isti'arat merupakan majaz dan *tashbi:h* yang hanya mempunyai salah satu daripada dua rukun utama, iaitu lafaz bandingan (*mushabbah*) dan lafaz yang dibandingkan (*mushabbahbih*). Pada masa yang sama dihapuskan sifat (*wajh al-shabah*) bagi *mushabbat* dan *mushabbahbih* dan medium perbandingan (*'ada:t al-tashbi:h*). Selain itu, *al-'Isti'arat* boleh dirujuk kepada metafora, iaitu pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan (sebagai perbandingan atau kiasan). Ia juga boleh didefinisikan sebagai salah satu daripada bahasa figuratif yang bermaksud sepatah perkataan atau frasa digunapakai bukan untuk makna asal. Manakala *al-'Isti'arat al-Makniyyat* merupakan satu bahagian dari *al-'Isti'arat*. Ia merupakan *al-'Isti'arat* yang dihapuskan *al-mushabbahbih* dan disebutkan *al-mushabbah*.

Disebabkan makna merupakan salah satu faktor yang penting dalam memahami sesuatu bahasa atau kosa, maka artikel ini berusaha meneliti ketersiratan makna dalam *al-'Isti'arat al-Makniyyat* dalam hadis Rasulullah saw.

2. Perbezaan *al-'Isti'arat al-Tasri:hiyyat* dan *al-'Isti'arat al-Makniyyat*

a. *Al-'Isti'arat al-Tasri:hiyyat*

Al-'Isti'arat al-Tasri:hiyyat ialah *al-'Isti'arat* yang dihapuskan *al-mushabbah* dan disebutkan *al-mushabbahbih*. Dinamakan *tasri:hiyyat* (jelas) kerana disebutkan padanya lafaz *al-mushabbahbih*.¹ Antara contoh *al-'Isti'arat al-Tasri:hiyyat* ialah:²

¹ Faḍl Ḥasan ʿAbba:s(1997), *op.cit*, j.2, h. 171-172.

i. Firman Allah SWT:

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾

Maksudnya :

Tunjukilah kami jalan yang lurus.

Surah al-Fa:tihaḥ (1) : ٦.

Dalam ayat di atas diumpamakan “الدِّينُ” (agama) dengan “الصِّرَاطُ” (jalan) dengan *‘ala:qat* (ikatan) kedua-duanya membawa kepada tujuan dan matlamat. Dihazafkan *al-mushabbah*, iaitu “الدِّينُ” dan dikekalkan *al-mushabbahbih*, iaitu “الصِّرَاطُ”.³

ii. Ungkapan al-Mutanabbi: dalam syairnya :

وَلَمْ أَرَ قَبْلِي مَنْ مَشَى الْبَدْرُ نَحْوَهُ وَلَا رَجُلًا قَامَتْ تُعَافِقُهُ الْأَسَدُ

Maksudnya : Dan aku tidak pernah melihat sebelumku orang yang datang kepadanya bulan purnama. Dan tidak aku melihat seorang lelaki yang berdiri di lehernya seekor singa.

Kalimah “مَشَى” (anak bulan) dan “الْبَدْرُ” (singa) dalam syair di atas merupakan *al-mushabbahbih*. Manakala *al-mushabbah* dihazafkan. *Qari:naḥ* bagi *al-’Isti‘a:raḥ* ini ialah kalimah “مَشَى” (berjalan) dan kalimah “تُعَافِقُهُ” (berada di leher). Ini kerana *al-badr* (anak bulan) tidak mungkin berjalan, demikian juga “الْأَسَدُ” (singa) tidak mungkin berada di leher seseorang.

b. *Al-’Isti‘a:raḥ Al-Makniyyat*

Al-’Isti‘a:raḥ Al-Makniyyat ialah *al-’Isti‘a:raḥ* yang dihazafkan *al-mushabbahbih* dan disebutkan *al-mushabbah*. Rahsia perbezaan di antara *al-’Isti‘a:raḥ al-Tasri:hiyyat* dan *al-’Isti‘a:raḥ al-Makniyyat* ialah *al-’Isti‘a:raḥ al-Tasri:hiyyat* menyebut *al-mushabbahbih*, namun ia tidak memberi sebarang isyarat kepada *al-mushabbah*. Manakala *al-’Isti‘a:raḥ al-Makniyyat* pula menghazafkan *al-mushabbahbih* serta memberi isyarat kepadanya dengan sesuatu yang merupakan *lawa:zim* (sesuatu yang ada kaitan dengannya).⁴

Selain dari itu, setiap *al-’Isti‘a:raḥ Al-Makniyyat* mencakupi *al-’Isti‘a:raḥ al-Takhyi:liyyat* dan *al-’Isti‘a:raḥ al-Makniyyat*. Ia merupakan *al-’Isti‘a:raḥ Al-Makniyyat* kerana ia menghazafkan *al-mushabbahbih* dan merupakan *al-’Isti‘a:raḥ al-Takhyi:liyyat* kerana disandarkan padanya *lawa:zim al-mushabbahbih* (sesuatu yang mempunyai kaitan dengan *al-mushabbahbih*). Oleh yang demikian *al-’Isti‘a:raḥ Al-Makniyyat* lebih *ablagh* dan lebih memberi kesan kepada jiwa manusia serta lebih indah dari sudut imaginasi berbanding *al-’Isti‘a:raḥ al-Tasri:hiyyat*. Ini kerana proses inovasinya lebih mendalam, contohnya ia menghidupkan sesuatu yang tidak bernyawa, merangsangkan pergerakan dan menyuburkan khayalan dan imaginasi. Lalu ia mencipta keindahan dan menghiasi sesuatu dengan sifat-sifat yang mengelokkannya.⁵

² *Ibid*, j.2, h. 171-172.

³ Dengan kata lain dipinjam kalimah “الصِّرَاطُ” (jalan) untuk maksud “الدِّينُ” (agama).

⁴ Faḍl Ḥasan ‘Abba:s (1997), *op.cit*, j.2, h. 172-174.

⁵ *Ibid*, h. 175-176.

Antara contoh *al-'Isti'ā:rat al-Makniyyat* ialah:⁶

- i. Firman Allah s.w.t.
وَآخِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ

Maksudnya :

Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu.

Surah al-'Isra:' (17) : 24.

Dalam ayat di atas diumpamakan "الذُّلُّ" (merendah diri) dengan "الطَّائِرُ" (burung). Dihazafkan *al-mushabbahbih*, iaitu "الطَّائِرُ" dan dikekalkan *al-mushabbah*, iaitu "الذُّلُّ". Di samping itu dikaitkan *al-mushabbahbih*, iaitu "الطَّائِرُ" dengan sesuatu yang ada hubungan dengannya, iaitu "الجَنَاحُ". Selain dari penjelasan ini, terdapat pandangan lain tentang *al-'Isti'ā:rat* dalam ayat di atas, iaitu diumpamakan "الجَانِبُ" (pergaulan) dengan "الجَنَاحُ" (sayap burung) dalam bentuk *al-'Isti'ā:rat al-Tasri:hiyyat*.⁷

- ii. Hadis Rasulullah s.a.w. :⁸
بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ

Maksudnya : Terbina Islam di atas lima perkara.

Dalam hadis di atas diumpamakan Islam dengan "الْبَيْتُ" (rumah) dari segi kebergantungan kepada tiang dan rukun. Seterusnya dihazafkan *al-mushabbahbih*, iaitu rumah dan dikekalkan sesuatu yang mempunyai hubungan dengannya, iaitu pembinaan.

Hakikatnya hadis di atas mempunyai dua *al-'Isti'ā:rat*, iaitu :⁹

- i. *Al-'Isti'ā:rat al-Makniyyat*

Dalam hadis di atas diumpamakan Islam dengan "الْبَيْتُ" (rumah). Seterusnya dihazafkan *al-mushabbahbih* dan dikekalkan sesuatu yang mempunyai hubungan dengannya, iaitu "بُنِيَ" (terbina) sebagaimana penjelasan sebelum ini.

- ii. *Al-'Isti'ā:rat al-Takhyi:liyyat*

Dalam hadis di atas disandarkan kata perbuatan "بُنِيَ" (terbina) kepada Islam. Ia merupakan *al-'Isti'ā:rat al-Takhyi:liyyat*.

3. Perselisihan Ulama Tentang *al-'Isti'ā:rat al-Makniyyat*

Ulama al-Baya:n mempunyai pandangan yang berbeza tentang *al-'Isti'ā:rat al-Makniyyat* sebagaimana berikut :

- A. 'Ibn al-'Athi:r berpendapat bahawa ia bukan *al-'Isti'ā:rat*, bahkan ia merupakan *al-Tashbi:h Mudmar al-'Ada:at* (*al-Tashbi:h* yang disembunyikan 'ada:atnya).¹⁰

⁶ *Ibid*, h. 172-173.

⁷ *Ibid*, h. 172-173.

⁸ Muḥammad bin 'Isma:ī:l 'Abu: 'Abd 'Alla:h al-Bukha:ri: (t.t.), *Ṣaḥi:h al-Bukha:ri:*. Kitab Iman, Bab Iman dan Sabda Rasulullah s.a.w. : بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ , no hadis 8. Lihat juga Muslim bin Ḥajja:j 'Abu: al-Ḥusayn al-Qushayri: al-Naysa:bu:riyy (1992), *op.cit*, Kitab Iman, Bab Penjelasan tentang Rukun Islam dan Tiangnya Yang Teguh, no hadis 78.

⁹ Faḍl Ḥasan 'Abba:s(1997), *op.cit*, j.2, h. 175-176.

B. Al-Khati:b al-Qazwayniyy berpendapat bahawa ia merupakan *al-Tashbi:h al-Mudmar Fi: al-Nafs (al-Tashbi:h* yang disembunyikan di dalam hati). Semua rukunnya disembunyikan kecuali *al-mushabbah*. Ia dapat dikenalpasti melalui sandaran sesuatu yang dikhususkan kepada *al-mushabbah* kepada *al-mushabbah*.¹¹ Pandangan ini hampir menyamai pandangan 'Ibn al-'Athi:r. Mereka berpandangan demikian kerana lafaz *al-mushabbah* pada *al-'Isti'a:rat* tersebut merupakan lafaz hakiki. Di sana tidak berlaku *al-tajawwuz* (keterlampaian makna kalimah), demikian juga *al-'Isti'a:rat* kerana ia merupakan satu bahagian daripada majaz.¹²

C. Juhur ulama terdahulu berpendapat bahawa ia merupakan *al-maja:z bi al-'Isti'a:rat*, bukan *al-Tashbi:h*. Ia diitlakkan kepada lafaz *al-mushabbah* yang dipinjamkan secara dalaman kepada *al-mushabbah*. Maka keadaannya sebagaimana keadaan *al-'Isti'a:rat al-Tasri:hiyyat* kecuali dari segi perbezaan asas. Dalam hal ini al-Sakka:kiyy mengitlakkan lafaz *al-mushabbah* yang digunakan pada *al-mushabbah* *bih* sebagai 'Iddi'a:' (alasan). Oleh yang demikian kalimah "المَدِيَّةُ" dalam syair al-Hadhaliyy dimaksudkan dengan kematian yang berupa binatang buas, bukan kematian biasa. Ia memberi makna majazi bukan hakiki, demikian juga contoh-contoh yang lain.¹³

4. Kedudukan *al-'Isti'a:rat al-Tasri:hiyyat* Dan *al-'Isti'a:rat al-Makniyyat* Dalam Menyampaikan Maksud

Al-'Isti'a:rat al-Makniyyat lebih berkesan dalam menyampaikan maksud dan menjelaskannya berbanding *al-'Isti'a:rat al-Tasri:hiyyat*. Ini kerana proses taakulan dan kesungguhan minda pada *al-'Isti'a:rat* tersebut mengatasi yang kedua. Hal ini dijelaskan dalam kajian ilmu Psikologi Kesusasteraan sebagaimana perbincangan di bawah ini.¹⁴

Antara sebab yang membezakan kedudukan kedua-dua *al-'Isti'a:rat* tersebut ialah *al-'Isti'a:rat al-Tasri:hiyyat* mempunyai dua proses taakulan, manakala *al-'Isti'a:rat al-Makniyyat* pula mempunyai tiga proses. Dua proses taakulan bagi *al-'Isti'a:rat al-Tasri:hiyyat* ialah :

A. Ia berseiringan dengan hakikat dan realiti dan berdiri di atas kaedah menyokong makna dan maksud. Ia mencapai sesuatu yang bersifat persamaan di antara *al-mushabbah* dan *al-mushabbah*. Selain dari itu, *al-tashbi:h* dan *al-'Isti'a:rat* berkungsi dalam proses ini.

B. Ia berlaku pada *al-'Isti'a:rat* bukan pada *al-Tashbi:h*. Selain dari itu ia merupakan proses illutrasi bukan realiti. Hal yang demikian menjadi alasan bahawa *al-mushabbah* dan *al-Mushabbah* bersatu pada hakikat. Kedua-duanya merupakan satu individu bukan dua individu.

Manakala tiga proses taakulan bagi *al-'Isti'a:rat al-Makniyyat* ialah membuat illutrasi sifat *al-mushabbah* dengan sesuatu yang merupakan ciri-ciri *al-mushabbah*. Manakala dua proses yang lain sama dengan proses *al-'Isti'a:rat al-Tasri:hiyyat*.

¹⁰ Al-Mathal al-Tha:'ir Fi: 'Adab al-Ka:tib Wa al-Sha:'ir Li 'Ibn 'Athi:r, Nida:' al-Eman, <http://www.al-Eman.com/Islamlib/>, 20 Disember 2008, *op.cit*.

¹¹ Jala:l al-Di:n 'Abu: 'Abd 'Allah Muḥammad bin Sa'd al-Di:n bin 'Umar al-QazwaynI: (1998), *al-'I:da:h Fī: 'Ulu:m al-Bala:ghat*, Beirut : Da:r 'Ihya:' al-'Ulu:m, h.290.

¹² 'Abd al-Muta'a:l al-Ṣa'i:di:(2000), *op.cit*, h.93.

¹³ *Ibid*, h.93.

¹⁴ 'Abd al-Fatta:h La:shi:n(1985), *op.cit*, h.222 dipetik dari buku *Dira:sa:t Fi: 'Ilm al-Nafs al-'Adabi:*, h. 43- 45.

Contohnya, ungkapan :

إِنَّ عَيْنَ الْقَدْرِ تُرْعَاكُمُ

Dalam contoh di atas dapat diperhatikan perkara-perkara berikut :

- i. Diumpamakan “الْقَدْرُ” (qadar) dengan manusia yang menjaga sesuatu dengan matanya.
- ii. “الْقَدْرُ” adalah manusia tidak kurang dari itu.
- iii. Disandarkan kepada “الْقَدْرُ” sesuatu yang berkaitan dengan manusia, iaitu mata.

5. Analisis *al-'Ist'ara:rat* dalam Hadis

Hadis : 1

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : حُجِبَتِ النَّارُ بِالشَّهَوَاتِ وَحُجِبَتِ الْجَنَّةُ بِالْمَكَارِهِ.
مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ ١٥

Al-'Ist'ara:rat dalam Hadis

Dalam hadis ini terdapat perumpamaan yang indah di mana ia telah mendatangkan gambaran tentang neraka dengan sesuatu yang dibenci dan digeruni. Selain dari itu, ia diselubungi dengan sesuatu yang disukai hawa nafsu. Oleh yang demikian, sesiapa yang mengikuti hawa nafsu maka dia akan terjerumus ke dalam neraka. Di sebalik gambaran tentang neraka didatangkan gambaran tentang syurga. Demikianlah imaginasi yang mempersonifikasi makna seolah-olah kita melihatnya dengan mata. Ia merupakan balaghah yang agung yang dirasakan oleh setiap insan, namun mereka tidak berdaya mendatangkan sesuatu seumpamanya.¹⁶

Dari sudut yang lain perumpamaan di atas dapat dilihat sebagai 'IM, dimana MHnya ialah syurga dan neraka “الْجَنَّةُ وَالنَّارُ”, manakala MBnya pula ialah bekas “الْإِنَاءُ” atau taman “الْبُسْتَانُ”. Sementara Z kepada MB ialah sesuatu yang menutupi (Z kepada “الْإِنَاءُ”) atau pagar yang mengelilingi (Z kepada “الْبُسْتَانُ”).¹⁷ J bagi 'I ini ialah perlindungan “الْمَحَافِظَةُ”. Secara terperinci dan mendalam 'I ini dapat dikategorikan sebagai 'I'I berikut :

- a. 'IM sebagaimana dijelaskan di atas.
- b. 'IA kerana kalimah “الْإِنَاءُ” dan “الْبُسْتَانُ” yang merupakan 'A (MB) merupakan 'ISJ .
- c. 'I pada kalimah “الْجَنَّةُ” merupakan 'IW kerana MH “الْجَنَّةُ” dan MB “الْبُسْتَانُ” atau “الْإِنَاءُ” di dalam 'I ini merupakan dua perkara yang boleh berhimpun. Manakala 'I pada kalimah “النَّارُ” merupakan 'IN kerana MH “النَّارُ” dan MB (“الْبُسْتَانُ” atau “الْإِنَاءُ”) di dalam 'I ini merupakan dua perkara yang tidak boleh berhimpun.
- d. 'IKH. Ia termasuk di dalam kategori 'I ini kerana penetapan ZMB (sesuatu yang menutupi atau pagar yang mengelilingi) kepada MH (“الْجَنَّةُ وَالنَّارُ”) dalam bentuk khayalan.

¹⁵ Muḥammad bin 'Isma:ī:l 'Abu: 'Abd 'Alla:h al-Bukha:ri:(t.t.), *op.cit.* Kitab Berlemah Lembut, Ba:b Neraka Dilindungi dengan Syahwat, no. hadis 6340. Lihat juga Muslim bin Ḥajja:j 'Abu: al-Ḥusayn al-Qushayri: al-Naysa:bu:riyy (1992), *op.cit.* Kitab Berkaitan Syurga dan Gambaran Nikmat dan Penghuninya, Bab Sabda Nabi s.a.w. : “Syurga dilindungi dengan perkara-perkara yang dibenci, manakala neraka dilindungi dengan syahawat”, no. hadis ٢٨٢٢.

¹⁶ Muḥammad Bi:lu: 'Aḥmad 'Abu: Bakr (1979), *op.cit.*, h.102.

¹⁷ *Ibid.*

- e. 'ISLQ. Ia dikategorikan sebagai 'I ini berdasarkan pencapaian 'A (MB) melalui pancaindera, manakala pencapaian 'AL (MH) pula melalui akal.
- f. Berdasarkan J, ia dapat disimpulkan sebagaimana berikut :
 - i. Ia mempunyai J yang boleh dicapai oleh akal.
 - ii. J bagi 'I ini merupakan sifat yang dikongsi bersama oleh MH dan MB. Justeru itu 'I ini merupakan 'ILJHŠK.
 - iii. Ia merupakan 'IQR kerana Jnya merupakan sesuatu yang boleh dicapai dengan mudah tanpa memerlukan perhatian.
- g. 'IR. Ia termasuk di dalam kategori 'I ini kerana disebut bersamanya LMH, iaitu "بِالْمَكَارِهِ" (L "الْحَنَّةُ") dan "بِالشَّهَوَاتِ" (L "النَّارُ").

Hadis : 2

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ وَلَنْ يُشَادَّ الدِّينُ إِلَّا غَلَبَهُ فَسَدِّدُوا وَقَارِبُوا وَأَبْشِرُوا وَأَسْتَعِينُوا
 بِالْعَدْوَةِ وَالرُّوحَةِ وَشَيْءٍ مِّنَ الدُّلْحَةِ
 (رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ)¹⁸

Al-'Istī'arat dalam Hadis

Berdasarkan penelitian, penulis dapati hadis ini mempunyai unsur-unsur 'IM pada frasa-frasa berikut :

1. "وَأَسْتَعِينُوا بِالْعَدْوَةِ وَالرُّوحَةِ وَشَيْءٍ مِّنَ الدُّلْحَةِ". Di dalam klausa ini diumpamakan *al-mukha:tab* (individu kedua) yang dirujuk kepada orang yang beriman dengan pengembara yang melalui jalan-jalan untuk sampai ke destinasi. Lalu Rasulullah s.a.w. mengingatkannya tentang masa-masa yang aktif bagi pengembaraan, kerana ia merupakan masa yang paling baik untuk tujuan tersebut; keperhatian terhadapnya membawa kepada kelangsungan dan mengelakkan daripada kegagalan dan kelemahan dalam pengembaraan tersebut.¹⁹

Perumpamaan ini merupakan 'IM kerana disebutkan MH, iaitu *mukha:tab* pada kalimah "أَسْتَعِينُوا" dan dibuang MB "الْمَسَافِرِ". Manakala J bagi 'I ini ialah kewujudan matlamat dan tujuan yang ingin dicapai. Sementara Q bagi 'I ini pula ialah "بِالْعَدْوَةِ وَالرُّوحَةِ وَشَيْءٍ مِّنَ الدُّلْحَةِ".

Secara terperinci dan mendalam 'I ini dapat dikategorikan sebagai 'I'I berikut :

- a. 'IM sebagaimana penjelasan di atas.
- b. 'IB kerana 'A (MB) bagi 'I ini merupakan 'IS'I. Ia merupakan MT
- c. 'IW kerana MH dan MB di dalam 'I ini merupakan dua perkara yang boleh berhimpun.
- d. 'IKH. Ia termasuk di dalam kategori 'I ini kerana penetapan ZMB "بِالْعَدْوَةِ وَالرُّوحَةِ وَشَيْءٍ مِّنَ الدُّلْحَةِ" kepada MH (*mukha:tab* pada kalimah "أَسْتَعِينُوا") merupakan perkara khayalan.
- e. 'ISLS. Ia dikategorikan sebagai 'I ini berdasarkan pencapaian 'A (MB) melalui pancaindera, demikian juga pencapaian 'AL (MH).
- f. Berdasarkan J, ia dapat disimpulkan sebagaimana berikut :
 - i. Ia mempunyai J yang boleh dicapai oleh akal.

¹⁸ Muḥammad bin 'Isma:ī: 'Abu: 'Abd 'Alla:h al-Bukha:ri:(t.t.), *op.cit.* Kitab Iman, Bab Agama itu Mudah, no. hadis 39.

¹⁹ *Ibid*, h.90.

- ii. *J* bagi 'I ini merupakan sifat yang dikongsi bersama oleh *MH* dan *MB*. Justeru itu 'I ini merupakan 'ILJHŠK.
- iii. Ia merupakan 'IQR kerana *J*nya merupakan sesuatu yang boleh dicapai dengan mudah tanpa memerlukan perhatian.
- g. 'IT. Ia termasuk di dalam kategori 'I ini kerana tidak disebut bersamanya *LMH* dan *LMB*.

Hadis : 3

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ اللَّهَ خَلَقَ الْخَلْقَ حَتَّى إِذَا فَرَغَ مِنْهُمْ قَامَتِ الرَّجْمُ فَقَالَتْ : هَذَا مَقَامُ الْعَائِدِ مِنَ الْقَطِيعَةِ، قَالَ : نَعَمْ، أَمَا تَرْضَيْنَ أَنْ أَصِلَ مَنْ وَصَلَكِ وَأَقْطَعِ مَنْ قَطَعَكِ ؟ قَالَتْ : بَلَى، قَالَ : فَذَلِكَ لَكَ، ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : اِقْرَعُوا إِنْ شِئْتُمْ : فَهَلْ عَسَيْتُمْ إِنْ تَوَلَّيْتُمْ أَنْ تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ وَتُقَطِّعُوا أَرْحَامَكُمْ أُولَئِكَ الَّذِينَ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فَأَصَمَّهُمْ وَأَعَمَّى أَبْصَارَهُمْ.

(متفق عليه) ٢٠

وَفِي رِوَايَةِ اللَّيْثِيِّ : فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى : مَنْ وَصَلَكِ وَصَلْتُهُ وَمَنْ قَطَعَكِ قَطَعْتُهُ.

Al-'Istī'arāṭ dalam Hadis

Di dalam hadis di atas terdapat unsur-unsur 'I di dalam klausa-klausa berikut :

1. "قَامَتِ الرَّجْمُ فَقَالَتْ:..."

Kalimah الرَّجْمُ merupakan 'IM, kerana ia diumpamakan dengan manusia. Seterusnya dibuang *MB*, iaitu manusia dan diisyaratkan kepadanya dengan salah satu daripada *Z*nya, iaitu "أَلْكَأَم". Manakala *Q* bagi 'I ini ialah penetapan *Z* tersebut kepada *MH*. Penetapan ini dinamakan 'IKH. Selain dari diumpamakan kalimah "الرَّجْمُ" dengan manusia, ia juga boleh diumpamakan dengan sesuatu objek yang boleh dicapai pancaindera secara tergantung. Ia masih dianggap sebagai 'IM.²¹

Secara terperinci dan mendalam 'I ini dapat dikategorikan sebagai 'I'I berikut :

- a. 'IM sebagaimana penjelasan di atas.
- b. 'IA kerana kalimah "الإِنْسَانُ" yang merupakan 'A (*MB*) merupakan 'ISJ.
- c. 'IW kerana *MH* dan *MB* di dalam 'I ini merupakan dua perkara yang boleh berhimpun.
- d. 'IKH. Ia termasuk di dalam kategori 'I ini kerana penetapan *ZMB* "أَلْكَأَم" kepada *MH* "الرَّجْمُ" dalam bentuk khayalan.

²⁰ Muḥammad bin 'Isma:ī:l 'Abu: 'Abd 'Alla:h al-Bukha:ri:(t.t.), *op.cit.* Kitab Tafsir, Bab Allah s.w.t berfirman : "Dan kamu memutuskan silaturahmi" - (Surah Muhammad s.a.w.), no. hadis 4711 dan Kita:b al-Adab, Bab " Sesiapa yang Menyambung Silaturahmi Nescaya Allah s.w.t. Memberi Rahmat kepadanya, no. hadis 5850 dan Kitab Tauhid, Bab Allah s.w.t berfirman : "Mereka Mahu Mengubah Percakapan Allah s.w.t." - (Surah Muhammad s.a.w.) no. hadis 7336. Lihat juga Muslim bin Ḥajja:j 'Abu: al-Ḥusayn al-Qushayri: al-Naysa:bu:riyy (1992), *op.cit.*, Kitab Berbuat Kebaikan, Sambungan Silaturahmi dan Adab, Bab Silaturahmi dan Pengharaman Memutuskannya, no. hadis 6470.

²¹ Muḥammad Bi:lu: 'Aḥmad 'Abu: Bakr (1979), *op.cit.*, h.75-76.

- e. 'ISLQ. Ia dikategorikan sebagai 'I ini berdasarkan pencapaian 'A (MB) melalui pancaindera, manakala 'AL (MH) pula dicapai melalui akal.
- f. Berdasarkan J, ia dapat disimpulkan sebagaimana berikut :
 - i. Ia mempunyai J yang boleh dicapai oleh akal.
 - ii. J bagi'I ini merupakan sifat yang dikongsi bersama oleh MH dan MB. Justeru itu 'I ini merupakan 'ILJHŠK.
 - iii. Ia merupakan 'IQR kerana Jnya merupakan sesuatu yang boleh dicapai dengan mudah tanpa memerlukan perhatian.
- g. 'IT. Ia termasuk di dalam kategori 'I ini kerana tidak disebut bersamanya LMH dan LMB.

2. "أَمَا تَرْضَيْنَ أَنْ أَصِلَ مِنْ وَصْلِكَ وَأَقْطَعَ مِنْ قَطْعِكَ"

Di dalam klausa di atas terdapat tiga 'I, iaitu :

A. 'IM pada ganti nama "ك" di dalam frasa "وَصْلِكَ" dan "قَطْعِكَ" yang dirujuk kepada "الرَّحِم". Ia diumpamakan dengan "الْحَبْلُ" (tali). Seterusnya dibuang MB, iaitu "الْحَبْلُ" (tali) dan diisyaratkan kepadanya dengan salah satu daripada Znya, iaitu ("الْوَصْلُ" dan "الْقَطْعُ") dalam bentuk 'IM.²² Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa Q bagi 'I ini ialah penetapan ZMB ("الْوَصْلُ" dan "الْقَطْعُ") kepada MH. J bagi'I ini ialah keperluan kepada hubungan yang kuat.

Secara terperinci dan mendalam 'I ini dapat dikategorikan sebagai 'I'I berikut :

- a. 'IM sebagaimana penjelasan di atas.
- b. 'IA kerana kalimah "الْحَبْلُ" yang merupakan 'A (MB) merupakan 'ISJ.
- c. 'IN kerana MH dan MB di dalam 'I ini merupakan dua perkara yang tidak boleh berhimpun.
- d. 'IKH. Ia termasuk di dalam kategori 'I ini kerana penetapan ZMB ("الْوَصْلُ" dan "الْقَطْعُ") kepada MH "الرَّحِم" dalam bentuk khayalan.
- e. 'ISLQ. Ia dikategorikan sebagai 'I ini berdasarkan pencapaian 'A (MB) melalui pancaindera, manakala 'AL (MH) pula merupakan sesuatu yang dicapai oleh akal.
- f. Berdasarkan J, ia dapat disimpulkan sebagaimana berikut :
 - i. Ia mempunyai J yang boleh dicapai oleh akal.
 - ii. J bagi'I ini merupakan sifat yang dikongsi bersama oleh MH dan MB. Justeru itu 'I ini merupakan 'ILJHŠK.
 - iii. Ia merupakan 'IQR kerana Jnya merupakan sesuatu yang boleh dicapai dengan mudah tanpa memerlukan perhatian.
- g. 'IT. Ia termasuk di dalam kategori 'I ini kerana tidak disebut bersamanya LMH dan LMB.

B. 'IB atau M pada lafaz *šillat* "صِلَّة".²³ Pada dasarnya kalimah *al-šillat* "الصِّلَّةُ" memberi maksud *al-^caf* (berlemah lembut) dan *al-raḥmat* (belas kasihan). Manakala "صِلَّةُ اللَّهِ" bermaksud

²² *Ibid*, h.76.

²³ *Ibid*.

lemah lembut dan rahmat Allah s.w.t kepada orang yang menyambung *ṣillat al-raḥim* berasaskan ehsan daripadaNya atau orang yang menjalinkan hubungan dengan orang yang hampir kepada Allah SWT. Lalu Allah SWT melapangkan dadanya untuk mengenali dan taat kepadaNya.²⁴

Di sini dapat disimpulkan bahawa kalimah *ṣillat* yang disandarkan kepada *al-raḥim* “صِلَّةُ الرَّحِيمِ” atau kepada Allah “صِلَّةُ اللَّهِ” merupakan *MH*, manakala *MB*nya pula ialah “الْعَطْفُ” (berlemah lembut) dan “الرَّحْمَةُ” (belas kasihan). Berikutnya dikekalkan *MH* dan dibuang *MB*. Keadaan ini menjadikannya *IMB*. *J* bagi *I* ini ialah kebaikan dan nikmat. Manakala *Q*nya pula ialah penetapan *ZMB* (“مَنْ وَصَلَكَ”) kepada *MH*.

Secara terperinci dan mendalam *I* ini dapat dikategorikan sebagai *I*’*I* berikut :

- a. *I**M* sebagaimana penjelasan di atas.
- b. *I**B* kerana kalimah “الْعَطْفُ” dan “الرَّحْمَةُ” yang merupakan ‘*A* (*MB*)’ dirujuk kepada *F*’ (kata perbuatan) berdasarkan penggunaan “صِلَّةُ” di dalam hadis dalam bentuk *F*’ (kata perbuatan), iaitu “أَنْ أَصِلَ مَنْ وَصَلَكَ وَأَقْطَعَ مَنْ قَطَعَكَ”.
- c. *I**W* kerana *MH* dan *MB* di dalam *I* ini merupakan dua perkara yang boleh berhimpun.
- d. *I**KH*. Ia termasuk di dalam kategori *I* ini kerana penetapan *ZMB* kepada *MH* “صِلَّةُ” dalam bentuk khayalan. *Z* bagi *I* ini merupakan *ZW* yang difahami daripada gayabahasa hadis.
- e. *I**QLQ*. Ia dikategorikan sebagai *I* ini berdasarkan pencapaian ‘*A* (*MB*)’ melalui akal, demikian juga ‘*AL* (*MH*)’.
- f. Berdasarkan *J*, ia dapat disimpulkan sebagaimana berikut :
 - i. Ia mempunyai *J* yang boleh dicapai oleh akal.
 - ii. *J* bagi *I* ini merupakan sifat yang dikongsi bersama oleh *MH* dan *MB*. Justeru itu *I* ini merupakan *ILJHŠK*.
 - iii. Ia merupakan *IQR* kerana *J*nya merupakan sesuatu yang boleh dicapai dengan mudah tanpa memerlukan perhatian.
- g. *I**SH*. Ia termasuk di dalam kategori *I* ini kerana disebut bersamanya *LMB*, iaitu “أَمَّا”
”تَرْضَيْنَ”.

Selain dari *I*’*I* di atas dapat disimpulkan bahawa hadis di atas secara keseluruhan termasuk di dalam kategori *ITH*. Ini kerana ia mengumpamakan keadaan *al-raḥim* yang memerlukan hubungan dan menjauhkan daripada terputusnya hubungan dengan keadaan orang yang meminta pertolongan yang berpegang kepada sesuatu yang berada di hujung orang yang diminta pertolongan dan pada tempat ikatan kainnya. Selain dari itu dimasukkan gambaran situasi *MH* di dalam *MB* dan digunakan lafaz-lafaz yang digunakan di dalam *MB* pada situasi *MH* berasaskan *QH*.²⁵ Penggunaan *ITH* dalam hadis ini berasaskan kepada imaginasi yang dapat dicapai pancaindera, mudah untuk difahami dan lebih berkesan kepada jiwa manusia.²⁶

²⁴ *Ibid*, h.75.

²⁵ *Ibid*, h.77.

²⁶ *Ibid*.

Hadis : 4

وَعَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ بِهِنَّ حَلَاوَةَ الْإِيمَانِ : أَنْ يَكُونَ اللَّهُ
وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا، وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ، وَأَنْ يَكْرَهُ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ بَعْدَ أَنْ أَنْقَذَهُ اللَّهُ مِنْهُ، كَمَا يَكْرَهُ
أَنْ يُقَدِّفَ فِي النَّارِ.
(مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ) ²⁷

Al-'Ist'ara:rat dalam Hadis

Di dalam hadis di atas terdapat unsur 'I di dalam frasa "حَلَاوَةَ الْإِيمَانِ". Ia merupakan 'IM, kerana disandarkan LMB ("حَلَاوَةَ") kepada MH ("الْإِيمَانِ"). MB bagi 'I ini ialah "الْعَسَلُ", manakala Jnya ialah kenikmatan rasa dan kecenderungan hati kepada keduanya. Sementara Qnya pula ialah sandaran LMB ("حَلَاوَةَ") kepada MH ("الْإِيمَانِ").²⁸

Secara terperinci dan mendalam 'I ini dapat dikategorikan sebagaimana berikut :

- a. 'IM sebagaimana penjelasan di atas.
- b. 'IA kerana kalimah "الْعَسَلُ" yang merupakan 'A (MB) merupakan 'ISJ.
- c. 'IN kerana MH dan MB di dalam 'I ini merupakan dua perkara yang tidak boleh berhimpun.
- d. 'IKH. Ia termasuk di dalam kategori 'I ini kerana penetapan LMB ("حَلَاوَةَ") kepada MH ("الْإِيمَانِ") dalam bentuk khayalan.²⁹
- e. 'ISLQ. Ia dikategorikan sebagai 'I ini berdasarkan pencapaian 'A (MB) melalui pancaindera, Manakala 'AL (MH) pula dicapai melalui akal.
- f. Berdasarkan J, ia dapat disimpulkan sebagaimana berikut :
 - i. Ia mempunyai J yang boleh dicapai oleh pancaindera dan akal. J bagi 'I ini ialah kenikmatan rasa dan kecenderungan hati kepada keduanya. Justeru itu ia merupakan 'ISLQLJSQ.
 - ii. J bagi 'I ini merupakan sifat yang dikongsi bersama oleh MH dan MB. Justeru itu ia merupakan 'ILJHŞK.
 - iii. Ia merupakan 'IQR kerana Jnya merupakan sesuatu yang boleh dicapai dengan mudah tanpa memerlukan perhatian.
- g. 'ISH. Ia termasuk di dalam kategori 'I ini kerana disebut bersamanya LMB, iaitu "ضَمِيرُ (هَا)".
"فِي (فَأَفْضَلُهَا) يَرْجِعُ إِلَى شُعْبَةٍ".

²⁷ Muḥammad bin 'Isma:':l 'Abu: 'Abd 'Alla:h al-Bukha:ri:(t.t.), *op.cit.* Kitab Iman, Bab Kemanisan Iman, no. hadis 16. Lihat juga Muslim bin Ḥajja:j 'Abu: al-Ḥusayn al-Qushayri: al-Naysa:bu:riyy (1992), *Ibid, Kita:b al-'I:ma:n, Ba:b Baya:n Khīṣa:l Man Ittaṣafa Bihinn Wajada Ḥala:waṭ al-'I:ma:n*, no. hadis 128.

²⁸ Badr al-Di:n 'Abu: Muḥammad Maḥmu:d bin 'Aḥmad al-'Aini: (t.t.), *op.cit.*, j.1, h.149. Lihat juga 'Aḥmad bin 'Ali: bin Ḥajar 'Abu: al-Faḍl al-'Asqala:ni:, (1379H), *Faṭḥ al-Ba:ri: Sharḥ Ṣaḥī:ḥ al-Bukha:ri:*, Taḥkik 'Aḥmad bin 'Ali: bin Ḥajar 'Abu: al-Faḍl al-'Asqala:ni:, j.1. Beirut : Da:r al-Ma'a:rif, h.60.

²⁹ Badr al-Di:n 'Abu: Muḥammad Maḥmu:d bin 'Aḥmad al-'Aini: (t.t.), *Ibid.* Lihat juga 'Aḥmad bin 'Ali: bin Ḥajar 'Abu: al-Faḍl al-'Asqala:ni:(1379H) .), *Ibid.*

Hadis : 5

وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ : مَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَزِيدُ فِي رَمَضَانَ وَلَا فِي غَيْرِهِ عَلَى إِحْدَى عَشْرَةَ رَكْعَةً يُصَلِّي أَرْبَعًا فَلَا تَسْأَلُ عَنْ حُسْنِهِنَّ وَطُولِهِنَّ! ثُمَّ يُصَلِّي أَرْبَعًا فَلَا تَسْأَلُ عَنْ حُسْنِهِنَّ وَطُولِهِنَّ! ثُمَّ يُصَلِّي ثَلَاثًا. فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَتَأْتُمُ قَبْلَ أَنْ تُؤْتِرَ؟ فَقَالَ : يَا عَائِشَةُ إِنَّ عَيْنِي تَنَامَانِ وَلَا يَنَامُ قَلْبِي.
(مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ) ٣٠

Al-'Ist'ara:rat dalam Hadis

Hadis ini mempunyai unsur 'I pada ungkapan Rasulullah s.a.w. : “وَلَا يَنَامُ قَلْبِي”. Di dalam ungkapan ini diumpamakan bahawa Rasulullah s.a.w. tidak terpengaruh dengan tidur “عَدَمُ تَأْتِرِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ” dengan hatiku tidak tidur “وَلَا يَنَامُ قَلْبِي”. Maka ungkapan hadis “وَلَا يَنَامُ قَلْبِي” merupakan 'ITB³¹ kerana ungkapan “وَلَا يَنَامُ” merupakan MB, manakala MH pula ialah Rasulullah s.a.w. tidak terpengaruh dengan tidur “عَدَمُ تَأْتِرِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِاللَّيْلِ”. Di dalam 'I ini dikekalkan MB dan dibuang MH. J bagi 'I ini ialah tidak lalai. Manakala Qnya pula ialah “قَلْبِي”.

Dari sudut yang lain dapat disimpulkan bahawa setiap 'ITB mempunyai unsur-unsur 'IM.³² Di dalam 'I di atas dapat dilihat bahawa ungkapan “قَلْبِي” sebagai 'AL (MH). Manakala 'A (MB) bagi 'I ini ialah “الْعَيْنَيْنِ”. Jnya ialah penerimaan pengaruh. Sementara Qnya pula ialah sandaran LMB “وَلَا يَنَامُ” kepada MH “قَلْبِي”.

Secara terperinci dan mendalam 'I ini dapat dikategorikan sebagaimana berikut :

- 'IM sebagaimana penjelasan di atas.
- 'IA kerana kalimah “الْعَيْنَيْنِ” yang merupakan 'A (MB) merupakan 'ISJ.
- 'IW kerana MH dan MB di dalam 'I ini merupakan dua perkara yang boleh berhimpun.
- 'IKH. Ia termasuk di dalam kategori 'I ini kerana penetapan LMB (“وَلَا يَنَامُ”) kepada MH (“قَلْبِي”) dalam bentuk khayalan.
- 'ISLQ. Ia dikategorikan sebagai 'I ini berdasarkan pencapaian 'A (MB) melalui pancaindera, Manakala 'AL (MH) pula dicapai melalui akal.
- Berdasarkan J, ia dapat disimpulkan sebagaimana berikut :

³⁰ Muḥammad bin 'Isma:ī: 'Abu: 'Abd 'Alla:h al-Bukha:ri:(t.t.), *op.cit.* Kitab Tahajud, Bab Sembahyang Malam Nabi s.a.w. pada bulan Ramadan dan bulan-bulan Yang Lain, no. hadis 1130. Lihat juga Muslim bin Ḥajja:j 'Abu: al-Ḥusayn al-Qushayri: al-Naysa:bu:riyy (1992), *op.cit.*, Kitab Sembahyang Orang Musafir dan Sembahyang Qasar, Bab Sembahyang Malam, Bilangan Rakaat Sembahyang Nabi s.a.w. Pada Waktu Malam, Sembahyang Witir Satu Rakaat dan Sesungguhnya Sembahyang Satu Rakaat Adalah Sah, no. hadis 1673.

³¹ Al-Shari:f al-Raḍiyy (1967), *op.cit.*, h.175.

³² Faḍl Ḥasan 'Abba:s(1997), *op.cit.*, j.2, h.188.

- i. Ia mempunyai *J* yang boleh dicapai oleh akal. *J* bagi 'I ini ialah penerimaan pengaruh. Justeru itu ia merupakan 'ISLQLJQ.
- ii. *J* bagi 'I ini merupakan sifat yang dikongsi bersama oleh *MH* dan *MB*. Justeru itu ia merupakan 'ILJHŠK.
- iii. Ia merupakan 'IQR kerana *J*nya merupakan sesuatu yang boleh dicapai dengan mudah tanpa memerlukan perhatian.
- g. 'IT. Ia termasuk di dalam kategori 'I ini kerana tidak disebut bersamanya *LMH* dan

6. Singkatan kata

Berikut penjelasan terhadap singkatan kata yang digunakan dalam makalah ini.

| | |
|-----------|---|
| 'A | : <i>musta^ca:r</i> (مُسْتَعَار) |
| 'AL | : <i>musta^ca:rlahu</i> (مُسْتَعَار لَهُ) |
| 'AM | : <i>musta^ca:r minh</i> (مُسْتَعَار مِنْهُ) |
| 'I | : 'Isti ^c a:rat (اِسْتِعَارَة) |
| 'IA | : 'Isti ^c a:rat 'Asliyyat (اِسْتِعَارَة اَصْلِيَّة) |
| 'IB | : 'Isti ^c a:rat Tab ^c iyyat (اِسْتِعَارَة تَبْعِيَّة) |
| 'IM | : 'Isti ^c a:rat Makniyyat (اِسْتِعَارَة مَكْنِيَّة) |
| 'IMF | : 'Isti ^c a:rat Mufradat (اِسْتِعَارَة مُفْرَدَة) |
| 'IMR | : 'Isti ^c a:rat Murakkabat (اِسْتِعَارَة مُرَكَّبَة) |
| 'IT | : 'Isti ^c a:rat Tasri:hiyyat (اِسْتِعَارَة تَصْرِيْحِيَّة) |
| 'ITH | : 'Isti ^c a:rat Tamthi:liyyat (اِسْتِعَارَة تَمَثِيْلِيَّة) |
| <i>J</i> | : <i>ja:mi^c</i> (جَامِع) |
| <i>L</i> | : <i>mula:'im</i> (مُلَائِم) |
| <i>MB</i> | : <i>al-mushabbahbih</i> (المُشَبَّه بِهِ) |
| <i>MH</i> | : <i>al-mushabbah</i> (المُشَبَّه) |
| <i>Q</i> | : <i>qari:nat</i> (قَرِيْنَة) |

7. Penutup

Justeru bahasa hadis Rasulullah s.a.w. yang indah, mudah difahami dan mempunyai unsur-unsur balaghah yang unggul, maka ia menjadi salah satu faktor kejayaan baginda dalam menyampaikan risalah Allah SWT ke seluruh alam. Di antara ciri-ciri bahasa baginda ialah wujudnya unsur-unsur majaz yang berkesan dan mampu mempengaruhi para pendengar. Oleh yang demikian penulis melihat bahawa kajian berkaitan majaz, khususnya *al-'Isti^ca:rat* merupakan kajian penting yang dapat membongkar rahsia keindahan hadis Rasulullah s.a.w. dan memberi kefahaman yang mendalam kepada pencinta hadis Rasulullah s.a.w., samada guru ataupun pelajar.

8. Rujukan

- °Abd al-Fattah La:shi:n 1978. *Al-Ma^ca:ni: Fi: Daw' 'Asa:li:b al-Qur'a:n*, c.3. Kaherah : Dar al-Ma^ca:rif.
- °Abd al-Muta^ca:l al-Sa^ci:di: 2000. *Al-Bala:ghat al-^cA:liyat Fi: ^cIlm al-Baya:n*. Kaherah : Maktabat al-'A:da:b.
- Al-Bukha:ri:, Muhammad bin 'Isma:^ci:l 'Abu: °Abd 'Alla:h t.t. *Sahi:h al-Bukha:ri:.* Beirut : Dar 'Ihya:' al-Tura:th al-^cArabi:.

Fadl Hasan °Abba:s 1997. *Al-Bala:ghat Funu:nuha: wa Afna:nuha:*, c.4. Yarmouk : Dar al-Furqa:n Li al-Nashr Wa al-Tawzi:.

Jala:l al-Di:n °Abu: °Abd °Allah Muhammad bin Sa°d al-Di:n bin °Umar al-QazwaynI: (1998), *al-'I:da:h Fi: °Ulu:m al-Bala:ghat*. Beirut : Da:r °Ihya:° al-°Ulu:m

Al-Mathal al-Tha:°ir Fi: °Adab al-Ka:tib Wa al-Sha:°ir (atas talian), [http://www, al-Eman.com/Islamlib/](http://www.al-Eman.com/Islamlib/), 15 Disember 2008.